

## **BAB PERTAMA**

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1. LATAR BELAKANG MASALAH

##### A. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Kuala Lumpur terletak di tengah-tengah negeri Selangor Darul Ehsan, iaitu di bahagian Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Ia menjadi ibu kota negara Malaysia. Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa: "... Sehingga selainnya diputuskan oleh Parlimen,<sup>1</sup> perbandaran Kuala Lumpur ialah ibu kota persekutuan."<sup>2</sup> Keluasannya ditentukan 243.45 kilometer persegi, iaitu berikutan penguatkuasaan penubuhan Wilayah Persekutuan pada 1971. Keluasan sebelumnya ialah 93.2 kilometer persegi.

Bermula dengan sebuah pekan perlombongan bijih timah selepas tahun 1857, Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran negeri Selangor yang dipindahkan dari Klang

---

<sup>1</sup> Perlembagaan Persekutuan Hingga 15 hb. Jun 1988, International Law Book Services, Kuala Lumpur, 1988, hal. 228 (Perkara 154 Fasal (1))

<sup>2</sup> Jabatan Penerangan Kementerian Penerangan Malaysia, Malaysia Buku Rasmi Tahunan 1987, Jabatan Penerangan Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, jil. ke-19, hal. 30-31

Peta Kuala Lumpur, lihat lampiran A

pada tahun 1880 dan menjadi pusat pentadbiran Negeri-  
<sup>3</sup>  
 Negeri Melayu Bersekutu sejak tahun 1896. Apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1948, Kuala Lumpur menjadi ibu negeri persekutuan yang baru itu. Kuala Lumpur kekal menjadi ibu negeri Tanah Melayu selepas merdeka (1957) dan selepas pembentukan Malaysia  
<sup>4</sup>  
 (1963).

Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandaraya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 1 Februari 1972. Pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur dipisahkan dari negeri Selangor Darul  
<sup>5</sup>  
 Ehsan untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

Dari sudut pentadbiran, pada tahun 1890 sebuah Lembaga Kebersihan dibentuk oleh kerajaan untuk menjaga kebersihan Kuala Lumpur. Selepas pendudukan Jepun di Malaysia (1941-1945), Kuala Lumpur ditadbirkan oleh Lembaga Bandaran yang dibentuk oleh kerajaan. Pada Tahun 1952, Kuala Lumpur ditadbirkan oleh Majlis

<sup>3</sup> Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada negeri-negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Mohamed Suffian bin Hashim, Tun, Mengenal Perlembagaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, hal. 3

<sup>4</sup> Ibid.

Gulrose Karim (ed) Information Malaysian 1989 Year Book, Berita Publishing, Kuala Lumpur 1989, hal. 711

<sup>5</sup> Jabatan Penerangan Kementerian Penerangan Malaysia, Malaysia Buku Rasmi Tahunan 1987, loc. cit.

Perbandaran yang dua pertiga daripada 18 orang ahlinya  
<sup>6</sup>  
dipilih melalui satu pilihanraya.

Pada tahun 1978, Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan untuk merangka perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur. Dasar-dasar yang ditentukan oleh kementerian ini dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya yang menjadi  
<sup>7</sup>  
jenteranya.

Pada tahun 1987, Kementerian Wilayah Persekutuan dimansuhkan. Dengan itu, Wilayah Persekutuan diletakkan di bawah satu bahagian di Jabatan Perdana Menteri, yang dikenali Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, dengan  
<sup>8</sup>  
Dewan Bandaraya sebagai jenteranya.

Dilihat dari sudut penduduk, bermula dari sebuah hutan yang tidak ada penghuni yang tetap sebelum tahun 1857, penduduk Kuala Lumpur berkembang dengan pesatnya selepas itu. Dalam masa lebih kurang 20 tahun, iaitu menjelang tahun 1878, Kuala Lumpur didiami lebih kurang 2,000 orang dan dalam masa lebih kurang sembilan tahun selepas itu, ia bertambah dengan cepatnya menjadi

6 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Buku Penerangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, t.k. t.t. hal. 9

7 Tung Loon Eng dkk., Kuala Lumpur, PTM Comunica-tion, Kuala Lumpur, t.t. hal. 6

8 Gulrose Karim, loc. cit.

9  
kesemuanya seramai 4,000 orang.

Penduduk Kuala Lumpur terus meningkat dan dalam masa 14 tahun selepas itu, iaitu sekitar tahun 1901, ia meningkat kepada 32,649 orang.<sup>10</sup> Manakala pada tahun 1947, ia menjadi 175,961 orang, iaitu dengan 21,989 bumiputera, 111,693 orang Cina, 31,607 orang India dan 10,672 lain-lain. Selepas 10 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1957, ia meningkat kepada 316,239, iaitu 47,615 bumiputera, 195,832 orang Cina, 53,506 orang India dan 19,286 lain-lain.<sup>11</sup>

Berdasarkan banci tahun 1980, penduduk Kuala Lumpur berjumlah 977,102 orang. Jumlah tersebut terdiri dari berbagai-bagai keturunan. Etnik terbesar yang menjadi penghuni Kuala Lumpur sejak dahulu ialah orang Cina. Banci tersebut mencatatkan bahawa jumlah penduduk Kuala Lumpur mengikut etnik ialah 507,487 orang Cina, 320,040 orang Melayu, 140,166 orang India dan 9,409 lain-lain keturunan.<sup>12</sup>

<sup>9</sup> Peter Chay, Kuala Lumpur Minarets of old, visions of new, Foto technik, Malaysia, 1989, hal. 12

<sup>10</sup> Dr. Manjit Singh Sidhu, Kuala Lumpur And Its Population, Surinder Publications, Kuala Lumpur, 1978, hal. 13

<sup>11</sup> McGee, Terence Gary, "The Cultural Role of Cities: A Case Study of Kuala Lumpur", The Journal of Tropical Geography, Singapore Department of Geography, University of Singapore, vol. 17, 1963, hal. 180

<sup>12</sup> Gulrose Karim, op. cit. hal. 711

Sebagai tempat pertemuan yang terbesar di Malaysia, khususnya kerana menjadi pusat pentadbiran negara, pusat perdagangan, pusat kegiatan politik dan pusat pelancongan, Kuala Lumpur kaya dengan bermacam-macam bentuk budaya, cara hidup, cara berfikir, cara bekerja, etnik, anutan agama dan lapisan penghuninya. Keadaan yang demikian, membuatkan Kuala Lumpur terus berkembang dan menjadi bandar terpenting bukan sahaja di Malaysia, malah di rantau ini.

#### **B. Dakwah Islamiah Di Wilayah Persekutuan**

Perbincangan mengenai dakwah Islamiah di Kuala Lumpur tidak dapat dipisahkan dengan perbincangan mengenai dakwah Islamiah di Malaysia keseluruhannya. Keadaan ini disebabkan Kuala Lumpur bukan setakat sebahagian daripada Malaysia, malah yang pentingnya kerana Kuala Lumpur, khususnya pada masa akhir akhir ini menjadi pusat segala aktiviti bagi Malaysia, termasuk aktiviti dakwah. Dengan yang demikian, penulis memaparkan terlebih dahulu mengenai dakwah Islamiah di Malaysia keseluruhannya.

#### **Dakwah Islamiah Di Malaysia**

Sejak Islam mula sampai ke Malaysia, iaitu pada awal abad ke-14 M, mengikut pendapat yang terkuat setakat ini, ia terus berkembang. Walaupun penaklukan

orang-orang Barat yang beragama Kristian telah bertapak di Malaysia beratus-ratus tahun lamanya, agama Islam tidak lenyap. Ia tetap teguh dan berkembang. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perkembangan dakwah Islam lebih jelas, terutamanya apabila timbul kesedaran golongan muda penganut-penganut agama Islam di Malaysia dalam dua dekad yang mutakhir ini, iaitu bermula dari awal 1970-an.

Di samping itu, dengan peruntukan perlembagaan Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama negara, pemerintah Malaysia juga memainkan peranan dalam gerakan dakwah di negara ini yang membuatkan agama Islam berkembang secara terhormat.<sup>13</sup> Peruntukan tersebut membolehkan kerajaan bertindak memperkuatkan dakwah Islamiah seperti berikut:

1. Mencegah atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama yang salah di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam.<sup>14</sup>

2. Menyediakan bantuan kewangan bagi penubuhan

13 Perlembagaan Malaysia menyebut: "(1) Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan." Perlembagaan Persekutuan, op. cit., hal. 2 (Perkara 3 Fasal 1).

14 Suffian, op. cit., hal. 346-347

atau penyelenggaraan yayasan Islam atau pelajaran  
 15  
 agama Islam bagi orang-orang Islam.

Dari keterangan-keterangan di atas dapat dilihat bahawa dakwah Islam di Malaysia datang dari dua pihak, iaitu pihak kerajaan dan orang ramai.

Dakwah dari pihak kerajaan terbahagi kepada dua, iaitu dakwah dari Kerajaan Pusat dan dakwah dari Kerajaan Negeri.

Kerajaan Pusat telah menubuhkan Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab secara khusus mengenai Islam. Satu bahagian khusus yang bertanggungjawab mengenai dakwah Islamiah di Bahagian Hal Ehwal Islam ini ialah Institut Dakwah dan Latihan (INDAH). Institut ini ditubuhkan pada bulan April  
 16  
 1974.

Tujuan pokok penubuhan institut ini ialah untuk membentuk anggota masyarakat Islam yang sedar kepada tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan. Ia juga untuk melahirkan pendakwah-pendakwah

15 Ibid. hal. 347

16 Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Institut Dakwah Dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, t.t. hal. 1

yang berkualiti untuk menyedarkan umat dengan tanggung-  
<sup>17</sup>  
jawab Islam yang sebenar.

Sebelum itu, iaitu pada 17 Oktober 1968 Majlis  
Raja-Raja bersetuju menu buhkan Majlis Kebangsaan bagi  
Hal Ehwal Agama Islam sebagai langkah menyelaraskan  
<sup>18</sup>  
pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara.

Pihak kerajaan juga telah menu buhkan Yayasan  
Dakwah Islamiah Malaysia pada tahun 1974 yang memainkan  
peranan khusus di dalam dakwah Islamiah. Yayasan ini  
<sup>19</sup>  
bertanggung jawab terus kepada Perdana Menteri.

Tujuan utama penubuhan yayasan ini ialah untuk  
mengatur kegiatan dakwah di Malaysia supaya berjalan  
dengan baik dan betul dalam menuju kepada pembinaan  
<sup>20</sup>  
masyarakat Islam yang direndai.

Melalui badan-badan dakwah yang ditubuhkan oleh  
pihak kerajaan itu, ajaran Islam dan aktiviti-aktiviti

---

17 Ibid. hal. 3-4

18 Suffian, op. cit. hal. 345

19 Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kongres  
Dakwah Islamiah Se-Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah  
Malaysia, Kuala Lumpur, t.t. hal. 11

20 Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia,  
Yayasan Dakwah Islamiah Islamiah Malaysia, Yayasan  
Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur, 1985, hal. 8

yang berhubung dengannya disalurkan ke jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan dan orang ramai.

Adapun dakwah di peringkat negeri, ia diserahkan secara khusus kepada Majlis Agama Islam di setiap negeri, kerana urusan agama terserah kepada Majlis Agama Islam yang tugasnya menasihat Raja, Yang Di Pertuan Agong atau Kerajaan Negeri masing-masing mengenai perkara-perkara yang bersangkut paut dengan aqama Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam ini berdasarkan peruntukan undang-undang negeri.<sup>21</sup> Pihak Majlis pula mengaturkan berbagai-bagai aktiviti dakwah untuk orang ramai di seluruh negeri masing-masing.

Dari keterangan-keterangan di atas menunjukkan betapa besarnya peranan kerajaan, sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri di dalam dakwah Islamiah di Malaysia.

Orang ramai juga telah berusaha melaksanakan tugas dakwah Islamiah ini. Untuk tujuan tersebut, bermacam-macam pertubuhan dakwah telah diadakan. Pertubuhan-pertubuhan dakwah yang terkedepan dan agak menyeluruh aktivitinya pada masa ini dengan mesej Islamnya yang

<sup>21</sup> Suffian, op. cit. hal. 346

22  
jelas ialah:

1. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang ditubuhkan pada 6 Ogos 1971. Ia ditubuhkan bertujuan untuk mengembangkan tenaga pemuda Islam untuk memperjuangkan cita-cita Islam dan menjalankan dakwah Islam dengan cara progresif kepada seluruh lapisan masyarakat. Agar dengan itu, manhaj rabbani dapat diterapkan di dalam masyarakat Islam.  
<sup>23</sup>

2. Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) yang ditubuhkan pada 19 Ogos 1960. Ia ditubuhkan untuk mengembangkan pengajaran Islam kepada orang yang bukan Islam, terutamanya yang tidak memeluk mana-mana agama. Ia juga bertujuan untuk memberi khidmat kepada saudara-saudara baru menambahkan ilmu-ilmu agama dan menolong mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.  
<sup>24</sup>

22 Gulrose Karim, op. cit. hal. 22.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Abd. Manaf Haji Ahmad, Haji), Kertaskerja (Masalah Dakwah Islamiah Di Malaysia Dan Cara Mengatasinya), Seminar Dakwah Islamiah Kebangsaan Universiti Kebangsaan Malaysia (1-2 Dis. 1984), hal. 8-9

23 ABIM, (Risalah), Pengenalan ABIM, t.t., t.hal.

ABIM, (Risalah), Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM). t.t., t.hal.

24 PERKIM, (Risalah) Risalah memperkenalkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, PERKIM, t.t. hal. 20

3. Jamaah Tabligh yang mula dikenali di Malaysia pada pertengahan tahun 50-an. Matlamat dakwah jamaah ini ialah untuk berdakwah dengan cara yang baik (hikmah) demi menuntut keredaan Allah.<sup>25</sup>

Dengan berpandukan matlamat yang sama pada dasarnya, pertubuhan-pertubuhan tersebut telah bergerak di seluruh Malaysia dengan aktiviti-aktiviti dakwah masing-masing.

Di samping pertubuhan, pendakwah-pendakwah perseorangan juga telah berusaha di dalam bidang ini dengan aktiviti dakwah masing-masing.

Dari sudut aktiviti dakwah, sama ada yang diaturkan oleh pihak kerajaan atau orang ramai, kebanyakannya berupa kuliah-kuliah dan syarahan-syarahan, di samping penerbitan buku-buku mengenai Islam.

#### **Dakwah Islamiah Di Kuala Lumpur**

Setelah dibincang secara ringkas berhubung dengan dakwah Islam di Malaysia, maka perbincangan seterusnya ialah berhubung dengan dakwah Islamiah di Kuala Lumpur.

25 Encik Hadzrami bin Ab.Rahman (seorang tokoh Jamaah Tabligh di Wilayah Persekutuan), interview, di Masjid Jami' India Kuala Lumpur, pada 22.9.1990

Persoalan pertama yang harus ditimbulkan berhubung dengan dakwah Islam di Kuala Lumpur ialah bilakah Islam mula sampai di Kuala Lumpur?

Ahli sejarah tidak dapat mempastikan dengan tepatnya bilakah tarikh agama Islam mula dibawa ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Namun, oleh kerana Wilayah Persekutuan sebelum Februari 1974 adalah sebahagian daripada negeri Selangor, maka kemasukan Islam ke Wilayah Persekutuan tentu berhubung rapat dengan kemasukan Islam ke Selangor.

Prof. Madya Dr. Othman Ishak menjelaskan bahawa mengikut ahli sejarah, Islam sampai ke Selangor sejak awal abad ke-15 M. dan mula berkembang secara pesat dalam abad ke-16 dan 17 M.<sup>26</sup>

Tetapi, fakta sejarah menunjukkan bahawa Kuala Lumpur dibuka oleh Raja Abdullah Raja Jaafar (m. 1869)<sup>27</sup> pada tahun 1857, maka dengan sendirinya ia menerima Islam pada tahun tersebut.

<sup>26</sup> Othman Ishak, Fatwa Dalam Perundangan Islam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1981, hal. 27

<sup>27</sup> Sila rujuk "Masyarakat Cina" dalam bab 11, hal. 179

Berdasarkan fakta tersebut, maka bererti bahawa kemasukan Islam ke Kuala Lumpur jauh terlewat berbanding dengan kemasukan Islam di kebanyakan negeri di Malaysia.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, Kuala Lumpur menjadi tumpuan dakwah Islamiah di Malaysia. Hampir kesemua pertubuhan dakwah yang terkemuka di Malaysia berpusat di Kuala Lumpur atau persekitarannya. Dengan yang demikian, aktiviti-aktiviti dakwah lebih ditumpukan di kawasan Kuala Lumpur, sama ada aktiviti dari pihak kerajaan, pertubuhan atau perseorangan.

Suatu badan yang bertanggungjawab secara khusus tentang agama Islam dan dakwah Islamiah bagi Kuala Lumpur ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ia ditubuhkan pada 1 Februari 1974, berkaitan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan.<sup>28</sup> Penubuhan tersebut berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974. Seksyen 5 Enakmen tersebut menyebut: "... Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan."<sup>29</sup>

28 Rasoli bin Haji Taib, Pengenalan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Unit Penerbitan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.k. t.t. hal. 2

29 Ibid.

Berdasarkan Enakmen tersebut, Majlis adalah merupakan badan yang bertanggungjawab dan kuasa yang tertinggi bagi semua urusan agama Islam dalam Wilayah Persekutuan.<sup>30</sup> Matlamat penubuhannya ialah untuk melahirkan sebuah masyarakat Islam yang sempurna, khususnya di Wilayah Persekutuan dengan persaudaraan yang padu, sama-sama memikul tanggungjawab Islam yang maha tinggi.<sup>31</sup>

Untuk mencapai matlamat tersebut, bermacam-macam program dakwah diatur oleh pihak Majlis, terutamanya program yang berbentuk ceramah atau kuliah di pejabat-pejabat, masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Kuala Lumpur. Program-program khusus seperti latihan-latihan dan kursus-kursus yang bercorak Islam juga diadakan oleh Majlis.

Dakwah Islamiah di Kuala Lumpur tidak sahaja tertumpu kepada masyarakat Islam, malah pada masa akhir-akhir ini menjalar kepada masyarakat yang bukan Islam. Kelahiran PERKIM, Islamic Outreach-ABIM dan Darul Fitrah merupakan Usaha-usaha ke arah tujuan tersebut. Usaha-usaha seperti ini amat penting, kerana masyarakat bukan Islam, khususnya masyarakat Cina merupakan golongan terbesar yang mendiami Kuala

30 Ibid.

31 Ibid. hal. 3

Lumpur.

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa Kuala Lumpur, yang menjadi ibu kota bagi Malaysia mempunyai penduduk yang bermacam-macam dari semua seginya. Etnik majoriti ialah orang Cina. Tetapi, etnik tersebut tidak menjadi tumpuan dakwah di Kuala Lumpur. Cuma, pada masa akhir-akhir ini sahaja ia mula diberi tumpuan oleh sesetengah pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur.

## 2. PENGERTIAN TAJUK DAN PERUMUSAN MASALAH

Tesis ini berjodol: "**Dakwah Al-Qur'ān Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina Di Wilayah Persekutuan**".

**Dakwah:** Yang dimaksudkan dengan dakwah di sini ialah penyebaran agama Islam. Maka berdakwah bererti menjalankan kegiatan penyebaran agama Islam dan ajaran-  
32  
ajaranannya.

Perkataan **dakwah** berasal dari bahasa Arab. Pengertian dakwah yang paling utama dalam bahasa Arab ialah

32 Dr.Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hal. 226

menyeru, memanggil, membawa, memandu, menjemput dan  
 33 mengajak.

**Dakwah Al-Qur'ān:** Yang dimaksudkan dengan dakwah al-Quran ialah seruan, panggilan dan usaha ke arah Islam berdasarkan Quran atau berdakwah sebagaimana yang dilakukan oleh Quran.

**Orang Bukan Islam:** Yang dimaksudkan dengan orang bukan Islam ialah orang yang belum memeluk agama Islam yang terdiri dari mereka yang dinamakan musyrik, tidak beragama, Kristian, munafik dan Yahudi.

**Kajian Khusus:** Yang dimaksudkan dengan kajian  
 34 ialah usaha penyelidikan yang mendalam. Manakala  
 35 khusus pula bererti khas atau tertentu. Maka, maksud kajian khusus ialah usaha penyelidikan dan penelitian yang mendalam yang tertentu atau terjurus.

**Kalangan:** Yang dimaksudkan dengan kalangan ialah  
 36 lingkungan atau golongan.

33 Al-Imām al-'Allāmah Abī al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad ibn Mukram ibn Manzūr al-Ifriqī al-Miṣrī, (630 H. / 1232 M. - 711 H. / 1311 M.), Lisān al-'Arab, Dār Sādir, Beirut, t.t. jil. 14, hal. 257-261. Selepas ini disebut Ibn Manzūr sahaja.

34 Iskandar, op. cit. hal. 474

35 Ibid. hal. 578-579

36 Ibid. hal. 478

**Masyarakat:** Yang dimaksudkan dengan masyarakat  
 ialah kumpulan manusia yang hidup bersama.<sup>37</sup>

**Masyarakat Cina:** Yang dimaksudkan dengan masyarakat Cina ialah kumpulan manusia yang terdiri dari orang-orang yang berketurunan Cina yang belum memeluk agama Islam.

**Wilayah Persekutuan:** Yang dimaksudkan dengan Wilayah Persekutuan dalam tesis ini ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menjadi ibu negara Malaysia. Ia tidak dimaksudkan dengan Wilayah Persekutuan Labuan.

✓ Adapun masalah-masalah pokok yang dikaji dalam tesis ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah kepercayaan orang Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur?
2. Bagaimanakah dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?
3. Bagaimanakah hasil dakwah yang dilakukan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?

### 3. TUJUAN PENULISAN

Adapun tujuan pokok kajian tajuk ini ialah:

1. Untuk mencari panduan dakwah kepada orang bukan Islam dari khazanahnya yang paling berharga, iaitu Quran, untuk dijadikan dasar dakwah sepanjang zaman.
2. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai orang Cina di Kuala Lumpur, terutamanya dari sudut kepercayaan.
3. Untuk mencari suatu pendekatan dakwah terhadap orang Cina di seluruh Malaysia amnya dan orang Cina di Kuala Lumpur khususnya, untuk dijadikan suatu garis panduan berdakwah kepada mereka dengan cara yang betul.
4. Untuk memberi sumbangan kepada pendakwah-pendakwah yang masih mencari-cari pendekatan dan panduan berdakwah kepada orang Cina.
5. Untuk menghilangkan silap faham dan prasangka orang Cina terhadap Islam, akibat daripada penerimaan dakwah yang tidak jelas dan di luar dari panduan yang sebenar.